

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 37

Rangkaian mudah alih perlu ditambah baik

Rangkaian mudah alih perlu ditambah baik

Pakar industri saran pertingkat teknologi, kelajuan untuk kekal berdaya saing

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia perlu meningkatkan teknologi dan kelajuan rangkaian mudah alihnya untuk kekal berdaya saing dan tidak terus ketinggalan dengan negara serantau, demikian kata pakar industri.

Selepas lapan tahun sejak 4G dilaksanakan di negara ini, kelajuan muat turun di negara ini masih 10 kali lebih perlahan berbanding Korea Selatan, selain berprestasi kurang baik berbanding negara jiran lain seperti Singapura dan Vietnam.

Syarikat telekomunikasi Malaysia kali pertama memperkenalkan 4G pada 2013, cuma setahun lewat berbanding Korea Selatan.

Justeru, Kenanga Research berkata; Malaysia perlu mengutamakan dan menambah baik rangkaian 4G; pada masa sama, memastikan pelancaran rangkaian 5G yang lancar.

Ia berkata, pandangan itu dilontarkan pakar industri Lawrence Liu, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Tekmark Group pada siri webinar anjuran Kenanga Research bertajuk '5G Technology & Applications -



Pasaran Malaysia mempunyai syarikat dalam ruang semikonduktor yang sudah mendapat manfaat daripada pelancaran infrastruktur 5G. (Foto hiasan)

An Overview' baru-baru ini.

"Liu menyarankan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, perkhidmatan menggunakan 5G akan merealisasikan nilai ekonomi benar 5G.

"Ia membabitkan perkhidmatan seperti sistem bantuan pemandu termaju dan telematik untuk industri automotif serta kembar digital (perwakilan maya produk) untuk ruang pembuatan melalui realiti tambahan," katanya dalam nota penyelidikannya.

Dari segi penggunaan perkhidmatan 5G oleh perusahaan, Kenanga Research berkata, Liu berpendapat bahawa ada syarikat yang masih pada peringkat meneroka potensi kes pengunaan 5G, dengan potensi pengewangan hanya tiga hingga

lima tahun kemudian.

Firma penyelidikan itu berkongsi pandangan Liu dan percaya bahawa perusahaan dalam sektor seperti pelabuhan dan logistik; pembuatan serta minyak dan gas mungkin adalah sektor pertama yang menerima pakai penggunaan 5G, memandangkan sesetengah firma pada masa ini menggunakan penyelesaian Internet Kebendaan (IoT), yang berpotensi memberi mereka satu selera untuk meneroka penggunaan 5G.

Walau bagaimanapun, katanya, Liu juga memberi pandangan bahawa ada dua faktor utama yang boleh memperlambatkan penggunaan 5G dalam kalangan perusahaan domestik.

Jelasnya, faktor berkenaan

adalah liputan 5G terhad dan kekurangan dasar yang sesuai dan rangka kerja.

"Kami berpendapat ada faktor penting ketiga, iaitu kekurangan kesediaan teknologi. Bagi mengatasi halangan berkenaan, Liu percaya bahawa perlu ada usaha sama kerajaan-swasta yang lebih besar untuk memupuk ekosistem yang kondusif bagi penggunaan perkhidmatan 5G.

"Nasib baik, pasaran Malaysia mempunyai syarikat dalam ruang semikonduktor yang sudah mendapat manfaat daripada pelancaran infrastruktur 5G dan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan kukuh pada tahun-tahun akan datang," katanya.